

WACANA RASMI PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BULETIN PKP

Vol issue 30 No.1/2022 Nov 2022 MOH/K/GIG/10-2022 (BUL)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

7 *Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi
Gold Standard & Benchmark NHMS 2020:
NOHSA 2020*

12 *Bengkel Penggunaan Software Vensim*

14 *Approved Products Purchase List (APPL) di bawah
Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan
Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia*

20 *Bengkel Social Media Goes Advance :
Exploring Animation and Motion Graphic*



SIDANG REDAKSI BULETIN PKP



Dr. Doryalisa binti Zakaria
(Ketua Editor)



Dr. Natifah binti Che Salleh
(Penasihat)



Dr. Jamaliah binti Omar
(Proofreader)



Dr. Yusmazatulina binti Yusoff
(Editor 2)



Dr. Norhazimah binti Khairuddin
(Editor 3)



Haziah binti Hassan
(Koordinator 1)



Siti Zainaliza binti Hashim
(Koordinator 2)

Bingkisan Pena Editor

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DAN SALAM SEJAHTERA

Bersempena Fasa Peralihan ke Endemik yang telah dikuatkuasakan pada 1 April 2022 dalam membendung penularan jangkitan COVID-19, pelbagai aktiviti-aktiviti kesihatan pergigian di seluruh negara telah rancak dijalankan secara fizikal sejajar dengan *#ReopeningSafely*. Aktiviti-aktiviti ini merupakan inisiatif warga kesihatan pergigian dalam mempromosikan perkhidmatan kesihatan pergigian supaya masyarakat mendapat manfaat dan dalam masa yang sama dapat mempertingkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan penjagaan kesihatan pergigian. Syabas diucapkan kepada semua warga pergigian kerana berpenat lelah menjayakan semua aktiviti ini.

Kami daripada sidang redaksi Buletin PKP Edisi 1 Tahun 2022 mempelawa semua untuk melayari soroton aktiviti sepanjang Januari hingga Jun 2022 melalui lensa Buletin PKP yang kami paparkan di dalam naskhah ini. Diharapkan dapat memberi manfaat untuk semua.

Selamat Membaca dan Jumpa Lagi!

#stayhealthy #staysafe #LindungDiriLindungSemua

Penafian

Setiap pendapat, pendirian dan kenyataan daripada penulis tidak semestinya menggambarkan pendirian daripada penerbit. Penulis dan penerbit tidak akan bertanggungjawab ke atas setiap kandungan iklan, artikel, gambar atau ilustrasi yang terdapat di dalam naskhah ini.

Kami berpendapat bahawa setiap apa yang ditulis di dalam naskhah ini adalah fakta, tidak ditiru dan tidak diplagiat daripada mana-mana sumber lain. Pihak editor berhak untuk menukar, memadam atau menulis semula bahan-bahan yang terdapat di dalam naskhah ini sekiranya terdapat isu-isu yang tidak berkaitan.

Penulisan dan percetakan semula setiap bahan di dalam naskhah ini tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit adalah tidak dibenarkan sama sekali. Setiap penghantaran bahan-bahan untuk penerbitan naskhah ini tidak akan dipulangkan semula. Maklumat yang terkandung di dalam naskhah ini adalah benar pada masa ianya diterbitkan.

Penasihat

Dr. Natifah binti Che Salleh

Ketua Editor

Dr. Doryalisa binti Zakaria

Editor

Dr. Yusmazatulina binti Yusoff
Dr. Norhazimah binti Khairuddin

Proofreader

Dr. Jamaliah binti Omar

Koordinator

Puan Haziah binti Hassan
Puan Siti Zainaliza binti Hashim

Diterbitkan oleh:

Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya, Malaysia



Warkah Perutusan

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Kementerian Kesihatan Malaysia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

Melihat kembali isu dan cabaran susulan penularan COVID-19 pada tahun 2020 hingga 2021, sekalung penghargaan saya rakamkan kepada semua warga kesihatan pergigian di seluruh Malaysia kerana sentiasa berusaha dalam memastikan penyampaian perkhidmatan pergigian berada pada tahap yang optimum walaupun negara masih lagi berhadapan dengan penularan COVID-19.

Pada 1 April 2022, Malaysia telah memasuki Fasa Peralihan ke Endemik susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam, termasuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dalam membendung penularan jangkitan COVID-19 dalam negara. Sebagaimana sedia maklum, prosedur operasi standard (SOP) bagi pencegahan dan kawalan risiko penularan COVID-19 telah dipermudahkan daripada 181 SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) kepada 1 SOP dan disokong oleh 9 Garis Panduan sebagai satu permulaan baharu bagi negara kita dalam meneruskan usaha mengekang penularan wabak ini dan dalam masa yang sama merencanakan semula sektor ekonomi negara.

Selaras dengan *#ReopeningSafely* dalam Fasa Peralihan ke Endemik, pengurusan COVID-19 telah banyak beralih daripada intervensi kerajaan kepada pemerikasaan individu, keluarga dan komuniti. Kelonggaran-kelonggaran yang telah diberikan oleh kerajaan bukanlah bererti kita telah menang dalam peperangan melawan COVID-19, tetapi kita perlu bertanggungjawab untuk meneruskan perjuangan ini dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19.

Malaysia juga mengalami situasi yang sama, di mana beban penyakit pergigian masih lagi tinggi. Kaji Selidik Kesihatan Mulut bagi Orang Dewasa Kebangsaan (NOHSA, 2010) melaporkan seramai 88.9% populasi orang dewasa berusia 15 tahun dan ke atas mengalami karies gigi kekal, manakala penyakit periodontal menyerang 94% populasi ini di mana prevalens tertinggi disumbangkan oleh kehadiran karang gigi (41.4%). Daripada kajian ini juga mendapati, prevalens lesi mulut telah dilaporkan sebanyak 51.1% manakala, prevalens kanser mulut di negara kita masih lagi berada pada tahap yang rendah walaupun secara global ianya dikategorikan sebagai kanser keenam paling kerap berlaku. Dilaporkan 20% kanser mulut ini telah dikesan seawal Tahap 1, namun hampir 63% pesakit yang hadir pada tahap yang teruk (Tahap III dan Tahap IV) menjejaskan prognosis dan kualiti kehidupan mereka. Kajian dalam kalangan populasi kanak-kanak lima (5) tahun mendapati 71.3% mengalami karies gigi susu pada tahun 2015, manakala 33.3% kanak-kanak berusia 12 tahun mengalami karies gigi pada tahun 2017.

Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke 75 pada 22 hingga 28 Mei 2022 telah meluluskan dan menerima pakai strategi kesihatan mulut global yang menyasarkan liputan kesihatan universal untuk kesihatan mulut. Strategi ini dirangka untuk membolehkan orang ramai menikmati kesihatan mulut yang optimum dan menjalani kehidupan yang sihat dan produktif dengan mengambil kira faktor penentu sosial dan komersial serta faktor-faktor risiko penyakit pergigian dalam menangani penyakit pergigian. Strategi ini perlu diterjemahkan kepada pelan tindakan kesihatan mulut yang merangkumi rangka kerja dengan sasaran yang jelas dan boleh dicapai menjelang tahun 2030. Pelbagai usaha melibatkan pihak-pihak berkepentingan perlu dilaksanakan bersama bagi menangani beban penyakit pergigian di Malaysia selari dengan strategi kesihatan mulut global WHO ini.

Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan pergigian agar segenap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada perkhidmatan kesihatan pergigian yang ditawarkan. Oleh yang demikian, kempen mendapatkan pemeriksaan pergigian sekurang-kurangnya sekali setahun kepada orang ramai perlu dipergiatkan agar pemeriksaan berkala ini menjadi satu tabiat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pemeriksaan berkala ini penting untuk mengesan tanda awal penyakit pergigian seterusnya dapat mengelakkan rawatan pergigian yang sukar dan kompleks. Untuk semua warga kesihatan pergigian, terutamanya berusaha agar penyampaian kesihatan pergigian kepada rakyat kembali pulih seperti sebelum pandemik COVID-19. Akhir kata, bersama-sama kita semua berusaha ke arah meningkatkan liputan perkhidmatan kesihatan pergigian yang lebih baik untuk masyarakat.

#StaySafe

Dr. Noormi binti Othman

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

ISI KANDUNGAN

02

Bingkisan Pena Editor

03

Warkah Perutusan
Pengarah Kanan
(Kesihatan Pergigian)

06

Cawangan
Epidemiologi & Penyelidikan
Kesihatan Pergigian

12

Cawangan
Perkembangan Profesion
Kesihatan Pergigian

14

Cawangan Teknologi
Kesihatan Pergigian

16

Cawangan
Pengurusan Maklumat
Kesihatan Pergigian

20

Cawangan Promosi
Kesihatan Pergigian

22

Cawangan
Akreditasi & Globalisasi
Kesihatan Pergigian

24

Cawangan Perundangan Dan
Penguatkuasaan (CPP)
Kesihatan Pergigian

26

Cawangan Kualiti
Kesihatan Pergigian

30

Pelantikan, Pertukaran dan
Pergerakan Keluar Masuk
Anggota
Jan-Jun 2022

'DOKTOR GIGI'

TIDAK BERTAULIAH!

Laporkan aduan melalui SisPAA:



<https://bit.ly/3nSsPxP>

**SISTEM PENGURUSAN PENGADUAN AWAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

MAINKAN PERANAN ANDA!



PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Ara 5, Blok E10, Kompleks E,
Presint 1, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan, 62590
Putrajaya

603-8885 4215
603-8885 6133
ohdemoh.gov.my

<http://ohd.moh.gov.my>
Program Kesihatan Pergigian EKM
@EKM_PERGIGIAN



Nama Program 1 : Sesi Perbincangan antara *Gold Standard & Benchmark* NHMS 2020: NOHSA 2020

Tarikh :

Kriteria Klinikal	Tarikh
Karies	11 Januari 2022
Oral Lesion	12 Januari 2022
Periodontal Condition	19 Januari 2022

Masa : 9.00 pagi - 5.00 petang

Tempat : Bilik Perbincangan 1, PKP KKM

Aktiviti : Aktiviti NHMS 2020: NOHSA 2020 yang telah ditangguhkan pelaksanaannya ekoran pandemik COVID-19 pada tahun 2020 diteruskan kembali. Pada tahun ini, aktiviti NHMS 2020: NOHSA 2020 dimulakan dengan sesi perbincangan antara Gold Standard & Benchmark bagi mengemas kini kriteria klinikal yang terlibat.



Gold Standard & Benchmark bagi Kriteria Klinikal Karies NHMS 2020: NOHSA 2020



Gold Standard & Benchmark bagi Kriteria Klinikal Karies NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Perbincangan bagi Kriteria Klinikal Periodontal Condition NHMS 2020: NOHSA 2020

Nama Program 2 : Mesyuarat Bersama Tuan Rumah Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi NHMS 2020: NOHSA 2020

Tarikh : 27 Januari 2022

Masa : 9.00 pagi - 5.00 petang

Tempat : Mesyuarat dalam talian (Google Meet)

Aktiviti : Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Habibah binti Yacob @ Ya'akub dan turut disertai secara dalam talian oleh Pegawai Penyelaras Negeri. Antara pengisian mesyuarat adalah penetapan tarikh, pelaksanaan program, pemilihan pesakit dan bilangan, lokasi aktiviti kalibrasi dan peralatan yang diperlukan semasa program kalibrasi.

Zon	Tuan Rumah Zon Kalibrasi NHMS 2020: NOHSA 2020	Jadual Sesi Kalibrasi
1	Terengganu	20 – 24 Februari 2022
2	Johor	27 Februari – 3 Mac 2022
3	Sarawak	7 – 11 Mac 2022
4	Pulau Pinang	14 – 18 Mac 2022
5	Selangor	21 – 25 Mac 2022
6	Negeri Sembilan	13 – 17 Jun 2022



Kehadiran Penyelaras Negeri bagi Mesyuarat bersama Tuan Rumah Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi NHMS 2020: NOHSA 2020 secara dalam talian



Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Habibah Yacob @ Ya'akub di Bilik Gerakan NHMS 2020: NOHSA 2020

Nama Program 3 :**Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi *Gold Standard & Benchmark* NHMS 2020: NOHSA 2020****Tarikh :** 14 – 18 Februari 2022**Masa :** 8.00 pagi – 5.00 petang**Tempat :** Klinik Pergigian Putrajaya Presint 18, WP Putrajaya**Aktiviti :** Bengkel ini melibatkan Ketua Kepakaran Pergigian Restoratif dan Ketua Kepakaran Periodontik sebagai *Gold Standard* manakala empat (4) orang Pakar Pergigian Kesihatan Awam telah dipilih sebagai *benchmark* bagi kriteria klinikal karies dan *periodontal condition*.Peserta Benchmark bagi Kriteria Klinikal *Periodontal Condition* bersama Urusetia PKP KKM dan Negeri

Ketua Kepakaran Pergigian Restoratif bersama Peserta Benchmark bagi Kriteria Klinikal Karies

*Gold Standard* dan Benchmark bersama Urus Setia WPKL&PSesi Perbincangan Kalibrasi bagi Kriteria Klinikal *Periodontal Condition*

Sesi Perbincangan Kalibrasi bagi Kriteria Klinikal Karies

Sesi Pengiraan Markah Kappa bagi Kriteria Klinikal *Periodontal Condition***Nama Program 4 :****Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 1 NHMS 2020: NOHSA 2020****Tarikh :** 20 – 24 Februari 2022**Masa :** 8.00 pagi – 5.00 petang**Tempat :** Kompleks Ibu Tunggal Chendering, Kuala Terengganu, Terengganu**Aktiviti :** Bengkel ini melibatkan 10 orang peserta dari Negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Lokasi Kalibrasi di Kompleks Ibu Tunggal Chendering, Kuala Terengganu, Terengganu

Sesi Perbincangan Kalibrasi bagi Kriteria Klinikal *Periodontal Condition* bersama Ketua Kepakaran Periodontik

Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 1 NHMS 2020: NOHSA 2020



Peserta dan Urus Setia Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 1 NHMS 2020: NOHSA 2020

Barisan *Gold Standard* dan Benchmark bagi Kajian NHMS 2020: NOHSA 2020

Nama Program 5 :**Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 2 NHMS 2020: NOHSA 2020****Tarikh :** 27 Februari - 3 Mac 2022**Masa :** 8.00 pagi – 5.00 petang**Tempat :** Dewan UTC Pasir Gudang, Johor Bahru, Johor**Aktiviti :** Bengkel ini melibatkan 9 orang peserta dari Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Lokasi Kalibrasi di Dewan UTC Pasir Gudang, Johor Bahru, Johor



Sesi Perbincangan Kalibrasi bagi Kriteria Klinikal Periodontal Condition bersama Pakar Periodontik



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 2 NHMS 2020: NOHSA 2020



Taklimat Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 2 NHMS 2020: NOHSA 2020



Urus Setia PKP KKM dan Benchmark bersama TPKN (G) Johor di Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 2 NHMS 2020: NOHSA 2020



Peserta Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 2 NHMS 2020: NOHSA 2020

Nama Program 6 :**Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 3 NHMS 2020: NOHSA 2020****Tarikh :** 7 - 11 Mac 2022**Masa :** 8.00 pagi – 5.00 petang**Tempat :** Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak**Aktiviti :** Bengkel ini melibatkan 12 orang peserta dari Negeri Sabah dan Sarawak.

Urus Setia PKP KKM bersama TPKN (G) Sarawak



Sesi Pengiraan Markah Kappa Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 3 NHMS 2020: NOHSA 2020



Stesen Pertukaran Personal Protective Equipment (PPE)



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 3 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 3 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 3 NHMS 2020: NOHSA 2020

Nama Program 7 : Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 4 NHMS 2020: NOHSA 2020

Tarikh : 14 - 18 Mac 2022

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : Pusat Pergigian Kanak-kanak dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang

Aktiviti : Bengkel ini melibatkan 10 orang peserta dari Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.



Peserta, Benchmark dan Urus Setia Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 4 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Kriteria Oral Lesion Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 4 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 4 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 4 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 4 NHMS 2020: NOHSA 2020

Nama Program 8 : Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 5 NHMS 2020: NOHSA 2020

Tarikh : 21 - 25 Mac 2022

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : Balai Ungku Aziz, Universiti Malaya

Aktiviti : Bengkel ini melibatkan 9 orang peserta dari Negeri Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, dan WP Labuan.



Sesi Bergambar Bersama TPKN (G) Selangor dan Dekan Fakulti Pergigian, Universiti Malaya



Majlis Perasmian Bengkel oleh TPKN (G) Selangor dan Dekan Fakulti Pergigian, Universiti Malaya



Sesi Penutup Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 5 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 5 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 5 NHMS 2020: NOHSA 2020



Urus Setia dan Peserta di hadapan Balai Ungku Aziz, Universiti Malaya

Nama Program 9 : Sesi Perbincangan Penyediaan Bahan Promosi NHMS 2020: NOHSA 2020**Tarikh :** 31 Mei - 3 Jun 2022**Masa :** 8.00 pagi – 5.00 petang**Tempat :** Bilik Mesyuarat 1, PKP KKM**Aktiviti :** Sesi perbincangan ini diadakan bersama Pasukan Promosi Kajian NHMS 2020: NOHSA 2020 yang terdiri daripada Pegawai Pergigian dari Johor, Selangor, WPKL&P dan Perak. Ia bertujuan untuk memurnikan dan menambah baik penghasilan video yang telah dirancang pada tahun 2020. Penghasilan video promosi kajian NHMS 2020: NOHSA 2020 ini digunakan untuk hebahan kajian kepada rakyat Malaysia bermula Jun hingga September tahun ini.

Pasukan Promosi Kajian NHMS 2020:NOHSA 2020



Perbincangan bersama Cawangan Teknologi Kesihatan Pergigian, KKM



Perbincangan bersama Cawangan Teknologi Kesihatan Pergigian, KKM

Nama Program 10 : Bengkel Pemurnian Soal Selidik NHMS 2020: NOHSA 2020 Bersama Penemu Duga**Tarikh :** 9 – 10 Jun 2022**Masa :** 9.00 pagi – 5.00 petang**Tempat :** Bilik Mesyuarat Utama, PKP KKM**Aktiviti :** Bengkel ini diadakan bagi mendapatkan kefahaman yang seragam antara penemuduga mengenai kaedah temuramah kepada responden. Seramai 65 orang penemuduga terlibat dalam bengkel ini.

Peserta Bengkel Pemurnian Soal Selidik NHMS 2020: NOHSA 2020 Bersama Penemu Duga



Bengkel diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, PKP KKM



Simulasi Temuduga Peserta Bengkel

Nama Program 12 : **Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 6 NHMS 2020: NOHSA 2020**

Tarikh : 13-17 Jun 2022

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan

Aktiviti : Bengkel ini bertujuan memantapkan pengurusan data dan melancarkan pelaksanaan kajian di peringkat negeri. Seramai 45 orang peserta dari seluruh negara hadir ke bengkel ini.



Peserta Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi *Examiner* Zon 6 NHMS 2020: NOHSA 2020



Sesi Kalibrasi Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 6 NHMS 2020: NOHSA 2020



Taklimat oleh Urus Setia Bengkel Kalibrasi Bersama Benchmark Kriteria Periodontal Condition



Taklimat Penutup Bengkel Penyeragaman dan Kalibrasi Pemeriksa & Benchmark Zon 6 NHMS 2020: NOHSA 2020



Lokasi Kalibrasi di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan

Nama Program 12 : **Bengkel Pemantapan Pelaksanaan dan Pemantauan Kajian di Peringkat Negeri NHMS 2020: NOHSA 2020**

Tarikh : 28-30 Jun 2022

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan

Aktiviti : Bengkel ini bertujuan memantapkan pengurusan data dan melancarkan pelaksanaan kajian di peringkat negeri. Seramai 45 orang peserta dari seluruh negara hadir ke bengkel ini.



Perbincangan Bengkel Pemantapan Pelaksanaan dan Pemantauan Kajian di Peringkat Negeri NHMS 2020: NOHSA 2020



Ceramah yang disampaikan oleh Dr. Habibah binti Yacob @ Ya'akub



Barisan Penyelia Lapangan yang Hadir ke Bengkel Pemantapan Pelaksanaan dan Pemantauan Kajian di Peringkat Negeri NHMS 2020: NOHSA 2020



Barisan Penyelaras Negeri yang Hadir ke Bengkel Pemantapan Pelaksanaan dan Pemantauan Kajian di Peringkat Negeri NHMS 2020: NOHSA 2020

BENGKEL PENGUNAAN SOFTWARE VENSIM

Bengkel Penggunaan Software Vensim telah diadakan di Hotel MITC Melaka selama 3 hari 2 malam dan melibatkan seramai 24 orang Pakar Pergigian yang terpilih dari Kementerian Kesihatan Malaysia.

Penceramah jemputan adalah Prof. Madya
Ts. Dr. Zuraida Abal Abas dari Universiti
Teknikal Malaysia Melaka

Tujuan diadakan adalah untuk:

1

Memberi pendedahan kepada peserta penggunaan *Model System Dynamics*

2

Memberi pendedahan kepada peserta cara menggunakan perisian Vensim dan cara membangunkan data-data yang diperlukan bagi unjuran mengikut bidang kepakaran dan kesihatan pergigian primer ke dalam sistem.

3

Dapat menentukan jumlah unjuran kepakaran Pakar Pergigian mengikut bidang kepakaran sehingga tahun 2030


BENGKEL PENGGUNAAN SOFTWARE VENSIM

29-31 MAC 2022



Approved Products Purchase List (APPL) di bawah Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia

Program Kesihatan Pergigian telah mengenal pasti 11 produk yang akan disenaraikan di bawah *Approved Products Purchase List (APPL)* bagi perolehan di bawah Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2023-2025. Terdapat penambahan sebanyak 5 produk baharu ke dalam senarai APPL berbanding tahun sebelumnya. Antara kelebihan perolehan di bawah APPL adalah:




Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat *Clinical Practice Guidelines* (CPG) tahun 2022

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat *Clinical Practice Guidelines* (CPG) telah diadakan pada 8 Februari 2022 bagi menjalankan proses penentuan keutamaan (*priority setting*). Proses ini adalah penting bagi memastikan CPG baharu yang dicadangkan menepati kriteria dan sesuai untuk dibangunkan. Enam (6) cadangan topik CPG baharu telah diterima dan dipertimbangkan untuk dibangunkan bagi tahun 2022 / 2023. Dua (2) topik dengan markah tertinggi telah dipilih untuk dibangunkan, iaitu:

- *Peri-Implant Disease: Prevention and Recommendations for Dental Implants Maintenance Care Practice* (akan dibangunkan pada tahun 2022); dan
- *Dental Assessment Prior to Radiotherapy for Head and Neck Cancer* (akan dibangunkan pada tahun 2023).

Empat (4) topik CPG yang lain pula akan dipertimbangkan semula untuk penentuan keutamaan pada mesyuarat berikutnya, iaitu pada sesi 2024/ 2025.



Kursus '*Systematic Review on Evidence-Based Clinical Practice Guidelines Development (CPG) & Implementation* bagi Pakar Pergigian & Pegawai Pergigian 2022'

Kursus '*Systematic Review on Evidence-Based Clinical Practice Guidelines Development (CPG) & Implementation* bagi Pakar Pergigian & Pegawai Pergigian 2022' telah dianjurkan pada 17 dan 18 Mei 2022 di Hotel Dorsett Hartamas, Kuala Lumpur. Kursus ini merupakan satu platform untuk melatih dan menyalurkan informasi dalam membangunkan CPG mengikut standard yang telah digariskan. Bagi tahun ini, seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada Pakar Pergigian, Pakar Perubatan, Pegawai Farmasi dan Pegawai Pergigian telah menghadiri kursus ini.

Objektif utama kursus ini diadakan adalah bagi:

- Meningkatkan pengetahuan dan memantapkan kemahiran dalam proses pembangunan *evidence-based* CPG; serta
- Menggalakkan pelaksanaan dan penggunaan CPG setelah dibangunkan.

Kursus ini juga bertujuan untuk:

- Memberi pendedahan kepada peserta tentang proses dan langkah-langkah dalam pembangunan CPG.
- Memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah *systematic review* dalam pemilihan dan penilaian bukti saintifik.
- Mempelajari teknik-teknik untuk menghasilkan CPG yang berkualiti mengikut standard.

Penceramah kursus terdiri daripada pegawai-pegawai dari Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan (MaHTAS), Bahagian Perkembangan Perubatan KKM yang diketuai oleh Dr. Aminuddin bin Mohd Yusof, Ketua *Unit Clinical Practice Guidelines*. Setiap ceramah diikuti dengan aktiviti kerja berkumpulan dan pembentangan oleh para peserta bagi meningkatkan penglibatan dan kefahaman peserta. Kursus ini diakhiri dengan ucapan penutup oleh Dr. Sofiah binti Mat Ripen, Timbalan Pengarah Cawangan Teknologi Kesihatan Pergigian, Program Kesihatan Pergigian KKM dan penyampaian sijil kepada para peserta.



Sistem Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW)

E-reporting V2.0 (Oral Health)

The Oral Health Source System and Reporting System Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW) yang dikenali sebagai e-Reporting V2.0 (Oral Health) merupakan platform untuk anggota perigian KKM mendokumentasikan data penyampaian perkhidmatan kesihatan perigian Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sistem MyHDW e-Reporting V2.0 (Oral Health) telah mula dilaksanakan secara rintis di 17 buah klinik perigian dan hospital di Negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya bermula pada 1 November 2021. Seterusnya, pelaksanaan penggunaan sistem ini diperluaskan ke seluruh fasiliti perigian di Negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya secara berfasa bermula Jun 2022.

Bengkel dan beberapa sesi perbincangan mengikut submodul yang berkaitan diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengguna sistem dalam membuat kemasukan data ke dalam sistem serta bagi menambah baik sistem untuk masa akan datang. Selain itu, sesi perbincangan bagi pelaksanaan peluasan penggunaan sistem juga diadakan bersama wakil-wakil pengguna sistem daripada setiap fasiliti rintis serta pihak pengurusan tertinggi PKP KKM bagi melancarkan peluasan sistem ini di seluruh fasiliti perigian di Negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

Antara sesi perbincangan / bengkel yang diadakan adalah seperti berikut:

- A** Sesi Perbincangan Format Pelaporan Ad Hoc Query Submodule Forensic Dentistry MyHDW eReporting V2.0 Oral Health pada 12 dan 13 Januari 2022 di Bilik Seminar Tingkat 5 Kompleks Pakar & Pusat Rawatan Harian (SCACC), HKL.



Sesi Perbincangan Format Pelaporan Ad Hoc Query Submodule Forensic Dentistry MyHDW eReporting V2.0 Oral Health

- B** Sesi Perbincangan Format Pelaporan Ad Hoc Query Submodule Pediatric Dentistry MyHDW eReporting V2.0 Oral Health pada 22 Februari 2022 di Makmal Komputer, Cawangan Teknologi Maklumat, Hospital Tunku Azizah.



Sesi Perbincangan Format Pelaporan Ad Hoc Query Submodule Pediatric Dentistry MyHDW eReporting V2.0 Oral Health

C Sesi Perbincangan Kemaskini *Change Request* Sistem MyHDW eReporting V2.0 Oral Health bagi Submodul Juruteknologi Pergigian, Loji, Promosi dan Pelaporan PGPR pada 2 – 4 Mac 2022 di Bilik Mesyuarat Pusat Informatik Kesihatan (PIK) KKM – secara hybrid.



Sesi Perbincangan Kemaskini *Change Request* Sistem MyHDW eReporting V2.0 Oral Health bagi Submodul Juruteknologi Pergigian, Loji, Promosi dan Pelaporan PGPR

D Bengkel Penstrukturan Semula *Malaysian Health Information Framework* (MyHIF) dan *Reference Set MyHarmony Oral Health* pada 15 – 18 Mac 2022 di *Amverton Heritage Resort*, Ayer Keroh, Melaka.



Bengkel Penstrukturan Semula *Malaysian Health Information Framework* (MyHIF) dan *Reference Set MyHarmony Oral Health*

E | Sesi Perbincangan Pelaksanaan dan Peluasan Penggunaan Sistem *Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW) eReporting V2.0 Oral Health* pada 29 April 2022 di Bilik Mesyuarat PIK KKM.



Sesi Perbincangan Pelaksanaan dan Peluasan Penggunaan Sistem MyHDW *eReporting V2.0 Oral Health*

F | Sesi Perbincangan: Peluasan Penggunaan Sistem *Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW) eReporting V2.0 Oral Health* dan Pelaksanaan Penggunaan Borang Laporan Pind. 1/2021 pada 17 Mei 2022 di Bilik Perbincangan 2, PKP KKM – secara hybrid.



Sesi Perbincangan: Peluasan Penggunaan Sistem MyHDW *eReporting V2.0 Oral Health* dan Pelaksanaan Penggunaan Borang Laporan Pind. 1/2021

PENYAMPAIAN SIJIL

Klinik Pergigian Mesra Promosi

22/2/2022



BENGKEL SOCIAL MEDIA GOES ADVANCE :

Exploring Animation and Motion Graphic

28/3/2022 - 30/3/2022

Sejak wabak pandemik melanda negara pada tahun 2020, media sosial dilihat sebagai alternatif utama dalam penyampaian maklumat, hebahan dan pendidikan kesihatan pergigian menggantikan aktiviti promosi yang dijalankan secara bersemuka sebelum wabak melanda. Ini secara tidak langsung telah meningkatkan jumlah pengikut media sosial rasmi dan seterusnya menggalakkan usaha penghasilan bahan promosi baik di peringkat negeri mahupun kebangsaan.

Justeru, keperluan untuk meneroka bidang penghasilan bahan promosi perlu dilaksanakan untuk memastikan bahan promosi yang dihasilkan bukan sahaja berkualiti malah dapat menarik minat masyarakat untuk menonton dan berkongsi maklumat tersebut dengan lebih meluas lagi.

Sehubungan itu, bagi menepati kehendak semasa dan selaras dengan teknologi terkini yang giat berkembang, cawangan ini telah mengadakan Bengkel Social Media Goes Advance : *Exploring Animation & Motion Graphic* selama tiga (3) hari bermula dari 28hb Mac-30hb Mac 2022 bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota pergigian dalam menghasilkan bahan-bahan promosi melalui pelbagai bentuk selaras dengan teknologi terkini agar dapat menyebarkan pendidikan dan maklumat kesihatan pergigian kepada segenap lapisan masyarakat seterusnya meningkatkan *oral health literacy* dan status kesihatan oral masyarakat.

Bengkel yang dihadiri oleh enam belas (16) orang anggota pergigian yang mempunyai pengetahuan dalam penghasilan animasi dan mahir menggunakan perisian *Adobe After Effect* dan enam belas (16) orang Pakar Pergigian daripada semua bidang kepakaran pergigian ini telah berjaya menghasilkan sebanyak 16 video animasi yang menarik untuk digunakan sebagai bahan pendidikan di peringkat kebangsaan dan negeri kelak.



BENGKEL PENILAIAN BAHAN PENDIDIKAN KESIHATAN PERGIGIAN TAHUN 2022

22/6/2022 – 24/6/2022

Bahan-bahan pendidikan kesihatan pergigian yang terdiri daripada bahan bercetak seperti poster, *pamphlet* serta bahan dalam bentuk audio-visual seperti video, serta bahan multimedia telah banyak dihasilkan bertujuan untuk mendidik masyarakat mengenai kesihatan pergigian. Kualiti bahan-bahan yang pernah dihasilkan ini tidak pernah diukur samada ianya memberi kesan ke atas pembaca atau penonton bahan tersebut.

Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan penghasilan bahan-bahan pendidikan kesihatan pergigian yang berkualiti, maka penilaian secara objektif ke atas bahan-bahan tersebut adalah penting untuk mengukur samada bahan tersebut mempunyai kandungan atau mesej yang boleh difahami dan boleh diambil tindakan oleh kumpulan sasaran.

Bengkel selama tiga (3) hari ini telah berlangsung di Kota Bharu, Kelantan dan dirasmikan oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian). Peserta yang terdiri daripada 18 Pegawai Pergigian dan 6 Pakar Pergigian Kesihatan Awam telah berjaya menilai bahan-bahan pendidikan kesihatan pergigian dengan kaedah PEMAT.



KARNIVAL JOM HEBOH 2022



Tarikh : 25/6/2022 – 26/6/2022

Tempat : Anjung Floria, Putrajaya

Penganjur : Media Prima TV3

1

Penilaian Akreditasi Program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Tempatan

Tahun 2022 menyaksikan semua proses penilaian akreditasi yang dilaksanakan mulai kembali secara berperingkat kepada pendekatan lawatan secara fizikal. Sebanyak satu (1) penilaian pembaharuan akreditasi dan enam (6) penilaian pematuan syarat akreditasi telah dijadualkan. Namun kebanyakan mesyuarat masih lagi dijalankan secara dalam talian yang didapati dapat memudahkan proses tersebut. Setakat Jun 2022 sebanyak satu penilaian pembaharuan perakuan akreditasi (Universiti MAHSA) dan dua pemantauan pematuan syarat akreditasi telah dijalankan (Lincoln University College dan Penang International Dental College). Penilaian dijalankan dalam tiga peringkat iaitu penilaian dokumen akreditasi yang diterima dari IPT berkenaan, lawatan serta temubual bersama warga IPT dan peringkat penyediaan laporan akhir. Laporan akhir kemudian akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Akreditasi Pergigian (JKTAP) bagi mendapatkan syor untuk dimajukan kepada Majlis Pergigian Malaysia (MPM).



Lawatan Penilaian Pembaharuan Perakuan Akreditasi
UNIVERSITI MAHSA
8 – 10 MAC 2022



Lawatan Penilaian Pematuan Syarat Akreditasi
LINCOLN UNIVERSITY COLLEGE
9 – 10 JUN 2022



Pasukan Panel Penilai Dan Pihak Pengurusan
Penang International Dental College (PIDC)

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Akreditasi Pergigian (JKTAP) Bil 1-3 bagi tahun 2022 telah diadakan pada 6 Januari, 7 Mac dan juga 28 April 2022. Melalui mesyuarat JKTAP ini, antara lain, laporan penilaian akreditasi bagi Program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (SMPP) dibentangkan dan syor dibuat untuk dimajukan kepada Majlis Pergigian Malaysia bagi persetujuan dan kelulusan. Mesyuarat JKTAP masih diadakan secara hybrid, di mana ahli mesyuarat atau pembentang laporan yang tidak dapat hadir secara fizikal akan menyertai mesyuarat secara dalam talian. Namun kehadiran secara fizikal masih diutamakan.



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Akreditasi (JKTAP) diadakan setiap 2 bulan

Bengkel Pengemaskinian Dokumen Kod Amalan Akreditasi Program Pergigian (COPPA)

Pada mesyuarat JKTAP Bil 5/2021, ahli mesyuarat telah mengaktifkan semula Jawatankuasa Kod Amalan Akreditasi Pergigian (COPPA_Dental). Tugas utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengemaskini Kod Amalan Akreditasi Pergigian (COPPA_Dental). Beberapa mesyuarat serta satu bengkel telah diadakan dalam proses pengemaskinian dokumen rujukan ini. Bengkel telah diadakan di Hotel La Crista, Melaka pada 23 – 25 Mac 2022 bagi memuktamadkan semua pindaan. Selepas itu, draf dokumen ini perlu dipersetujui oleh JKTAP sebelum ia dibawa ke Majlis Pergigian Malaysia (MPM) untuk mendapat kelulusan. Setelah mendapat kelulusan, langkah seterusnya adalah untuk mengadakan bengkel yang akan melibatkan Pakar Pergigian daripada pelbagai kepakaran untuk dilatih sebagai Panel Penilai bagi lawatan akreditasi yang dijalankan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Bengkel bertujuan untuk melatih lebih ramai lagi Panel Penilai bagi penilaian akreditasi Program Pengajian Pergigian tempatan.

2

Penilaian Akreditasi Program Ijazah Sarjana Kepakaran Pergigian Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Tempatan

Jawatankuasa Teknikal Bersama Penilaian Program Kepakaran Pergigian (JTBPPKP) merupakan Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk membuat syor terhadap penilaian akreditasi bagi setiap program kepakaran pergigian yang dijalankan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi tempatan. Apabila Akta Pergigian 2018 dikuat kuasa pada 1 Januari 2022, keurusetiaan bagi JTBPPKP telah diambil alih secara berperingkat oleh Cawangan Akreditasi dan Globalisasi Kesihatan Pergigian dari pihak MQA. Mesyuarat JTBPPKP pertama yang dikendalikan oleh sekretariat dari Cawangan Akreditasi dan Globalisasi Kesihatan Pergigian telah diadakan pada 12 Julai 2022. Antara perkara utama yang perlu dilaksanakan oleh JTBPPKP adalah untuk membangunkan dokumen Kod Amalan Akreditasi Pergigian bagi Program Pengajian Kepakaran Pergigian untuk dijadikan rujukan oleh Panel Penilai semasa menjalankan penilaian.

3

Penempatan pelajar / pelatih IPT tempatan bagi latih amal di fasiliti KKM

Bagi aktiviti ini, cawangan berurusan melalui Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti KKM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dengan keahlian terdiri daripada wakil pelbagai bahagian atau program. Di bawah aktiviti ini juga, setiap PPT yang menggunakan fasiliti KKM sebagai tempat latih amal pelajar pergigian Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (SMPP) perlu memeterai Memorandum Perjanjian bersama KKM. Pada Jun 2022, kesemua tiga belas (13) PPT tempatan yang menggunakan fasiliti KKM untuk latih amal telah pun mempunyai Memorandum Perjanjian yang aktif bersama KKM.

Memorandum Perjanjian bagi PPT yang menggunakan fasiliti KKM bagi latih amal pelajar dalam bidang kepakaran pergigian pula masih lagi sedang dibangunkan.

4

Globalisasi dan Liberalisasi Perkhidmatan Kesihatan Pergigian

Mesyuarat *ASEAN JOINT COORDINATING COMMITTEE (AJCCD)* yang ke-29 telah diadakan secara dalam talian pada 9 Februari 2022. Mesyuarat kedua bagi tahun 2022 dijangka diadakan pada bulan September 2022. Timbalan Pengarah Cawangan Akreditasi dan Globalisasi Kesihatan Pergigian bersama Setiausaha Majlis Pergigian Malaysia (MPM) telah mewakili Malaysia. Mesyuarat antara lain telah membincangkan mengenai perkembangan semasa usaha-usaha yang dijalankan oleh setiap negara ASEAN ke arah merealisasikan *ASEAN Mutual Recognition Agreement (MRA) for Dental Practitioners*.

Selain itu, cawangan juga telah menyediakan maklum balas berkaitan perjanjian dua hala atau pelbagai hala dengan beberapa negara seperti Turkiye, United Kingdom dan ASEAN-Australia-New Zealand.



Pembentangan Pencapaian Aktiviti CPP bagi Tahun 2021 oleh Dr. Haznita binti Zainal Abidin

1

Mesyuarat Pegawai Penguatkuasa Pergigian Bil.1/2022

Mesyuarat bertempat di *Scholar Inn*, UiTM Johor Bahru berlangsung selama 2 hari 1 malam iaitu pada 14 hingga 15 Februari 2022. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) dan turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian. Agenda mesyuarat turut disusuli dengan Penyerahan Surat Pemberi Kuasa dan Kad Kuasa Pergigian kepada Pegawai Diberi Kuasa dibawah Akta 804, Pembentangan Pencapaian Aktiviti CPP Tahun 2021 dan Pembentangan Pelan Tindakan CPP 2022.



Gambar kenangan yang diraikan bersama Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) dan Pegawai Penguatkuasa Pergigian.

2

Majlis Sulaman Kasih

Majlis Pra Persaraan meraikan Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian iaitu Dr. Mazlina binti Mat Desa telah diadakan pada 14 Februari 2022 bertempat di *Banquet Hall*, *Scholar Inn*, UiTM Johor Bahru. Majlis turut dihadiri oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian), Dr. Noormi binti Othman.



Gambar kenangan bersama penceramah daripada Unit Integriti, KKM

3

Kursus Akta Pergigian 2018 & Akta-Akta Berkaitan

Kursus bertempat di *Le Quadri Hotel*, Kuala Lumpur bertarikh 30 hingga 31 Mac 2022 ini merupakan kursus siri ke-2 di mana kursus ini menjadi pra syarat sebelum pegawai dilantik sebagai Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 804. Kursus telah dihadiri oleh 30 orang peserta. Kursus turut melibatkan Unit Integriti, KKM dan tugasan kumpulan.



Peserta kursus yang terdiri daripada juruaudit KKP

4

Mesyuarat Keselamatan & Kesihatan Pergigian (KKP) 2022

Mesyuarat berlangsung pada 8 hingga 9 Jun 2022 bertempat di *Tower Regency Hotel & Apartments*, Ipoh, Perak. Mesyuarat dihadiri oleh juruaudit KKP dari setiap negeri. Selain agenda mesyuarat, juga dijalankan sesi audit pematuhan KKP di fasiliti pergigian KKM terpilih iaitu Daerah Kinta.

5

Perbicaraan Pertama Dibawah Akta Pergigian 2018

Perbicaraan pertama kali di bawah Akta Pergigian 804 ini melibatkan warganegara Indonesia di Mahkamah Seksyen Petaling Jaya pada 7 Jun 2022 dan Orang Kena Saman (OKS) tidak mengaku bersalah serta mohon dibicarakan. Sebutan semula pada 16 Jun 2022 di mahkamah yang sama dan OKS telah mengaku bersalah. Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM25,000, sekiranya gagal bayar tambahan penjara 1 tahun. OKS telah dipenjarakan kerana gagal membayar denda.



Pegawai Penguatkuasa Pergigian yang terlibat dengan perbicaraan pertama di bawah Akta Pergigian 2018

6

Kursus Akta Pergigian 2018 & Akta-Akta Berkaitan

Kursus berlangsung di Hotel Adamsom, Kuala Lumpur melibatkan 6 orang peserta yang telah dilantik sebagai Pegawai Pendakwa pergigian. Kursus telah dihadiri dengan jayanya pada 21 hingga 23 Jun 2022. Pada akhir kursus ini diadakan sesi praktikal pendakwaan di Akademi SPRM. Kursus ini sepenuhnya dijayakan dengan kerjasama Pejabat Penasihat Undang-undang, KKM.



Pegawai Penguatkuasa Pergigian yang dilatih sebagai Pegawai Pendakwa

Sesi Perbincangan Bersama Pasukan Teknikal Sempena Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian, KKM Tahun 2022



4 April 2022



2.30 petang –
5.00 petang



Bilik Perbincangan 2, PKP



Sesi perbincangan diadakan bagi membincangkan tugas pasukan teknikal dari Jabatan Kesihatan Pergigian Negeri Johor sempena Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2022. Antara tugas yang diarahkan adalah membuat montaj, video rakaman juri dan kompilasi video pembentangan projek. Pasukan teknikal ini telah diketuai oleh Dr. Siti Aisyah binti Mohd Taha, Penolong Pengarah Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Negeri Johor.

Rakaman Ucapan Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) sempena Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian, KKM



13 April 2022



9.00 pagi –
11.00 pagi



Bilik Pengarah Kanan, PKP



Penggambaran rakaman ucapan Dr. Noormi binti Othman, Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) bersempena Konvensyen Kualiti PKP KKM 2022 oleh Pasukan Teknikal dari Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Rakaman bermula dari pukul 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi bertempat di Bilik Pengarah Kanan PKP KKM.

Sesi Penjurian Pertandingan Inovasi, KIK dan QA bagi Konvensyen Kualiti Kesihatan Pergigian Tahun 2022



20 April 2022



9.00 pagi –
11.00 pagi



Program Kesihatan Pergigian



Sesi penilaian bagi Pertandingan *Quality Assurance* (QA) oleh Datin Dr. Norinah binti Mustapha dilakukan di Bilik Perbincangan 2, PKP KKM.



Sesi penilaian bagi Pertandingan Horizon Baru Kumpulan Kreatif dan Inovatif (HBKIK) oleh Encik Mohd Fadli bin Anang telah dilakukan di Bilik Mesyuarat 1, PKP KKM.



Sesi penilaian bagi Pertandingan Inovasi Dr. Norizan binti Rosli telah dilakukan di Bilik Perbincangan 1, PKP KKM.

Pengggambaran Ucapan Pengarah Bahagian Amalan dan sempena Perkembangan Kesihatan Pergigian Konvensyen Kualiti PKP KKM Tahun 2022



28 April 2022



2.30 petang –
5.00 petang



Bilik Mesyuarat Utama, PKP



Pengggambaran rakaman ucapan Dr. Mazlina binti Mat Desa, Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian bersempena Konvensyen Kualiti PKP KKM tahun 2022 telah dilakukan oleh Pasukan Teknikal dari Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terdiri daripada empat orang Pegawai Pergigian diketuai oleh Dr. Maisarah binti Mohd Zain.

Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2022



10 & 11 Mei 2022



9.00 pagi –
11.30 pagi



Bilik Mesyuarat Utama, PKP



Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2022 telah dianjurkan pada 10 dan 11 Mei 2022. Program ini bertujuan bagi memperkenalkan serta menyebarkan hasil-hasil inovasi, Horizon Baru Kumpulan Inovatif dan Kreatif (HBKIK) dan *Quality Assurance* (QA) yang boleh dicontohi atau diaplikasi untuk faedah semua anggota pergigian.



Simposium Keselamatan Pesakit Program Kesihatan Pergigian 2022



23 Mei 2022



8.30 pagi –
5.00 petang



Bilik Mesyuarat, Pejabat TPKN(G),
BKP Negeri Kelantan



Penggambaran rakaman ucapan Dr. Mazlina binti Mat Desa, Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian oleh Pasukan Teknikal dari Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terdiri daripada empat orang Pegawai Pergigian diketuai oleh Dr. Maisarah binti Mohd Zain.



Ulser Mulut

Ulser mulut adalah luka di dalam mulut yang selalunya sakit dan mengambil masa sekurang-kurangnya seminggu untuk sembuh

Faktor risiko



Pendakap gigi atau trauma seperti tergigit

Penyakit sistemik berkaitan usus, sistem imun ataupun anemia



Kekurangan nutrisi seperti Vitamin B12 dan zat besi

Jangkitan virus, bakteria ataupun kulat



Rawatan

- Berkumur dengan air garam atau kumuran antiseptik
- Gunakan gel ulser untuk mempercepatkan penyembuhan
- Elakkan makanan yang berasid, pedas dan keras

Sumber: <http://www.myhealth.gov.my/lepuh-a-ulser-mulut/>

**PELANTIKAN, PERTUKARAN DAN PERGERAKAN KELUAR MASUK ANGGOTA
JAN-JUN 2022**

SENARAI NAMA PENERIMA PINGAT

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH	CATATAN
1	Datuk Dr. Kalairasu M Peariasamy	Pengarah Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) Pakar Perunding Pergigian Kanan Pergigian Pediatrik Gred Khas B	08.02.2022	Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W)

**PELANTIKAN SEBAGAI PENGARAH BAHAGIAN &
TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN)**

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH
1	Dr. Thaddius Herman Anak Maling	Dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Perlis Pakar Pergigian Kesihatan Awam UG54	03.01.2022
2	Dr. Rozihan binti Mat Hasan @ Husin	Dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Pulau Pinang Pakar Pergigian Kesihatan Awam UG56	17.01.2022
3	Dr. Maryana binti Musa	Dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Sembilan Pakar Pergigian Kesihatan Awam UG56	03.02.2022
4	Dr. Khairol Niza binti Ahmad	Dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Perlis Pakar Pergigian Kesihatan Awam UG54	24.02.2022
5	Dr. Salleh bin Zakaria	Dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Perak Pakar Pergigian Kesihatan Awam UG56	11.04.2022
6	Dr. Badariah binti Tambi Chek	Dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Kedah Pakar Pergigian Kesihatan Awam UG56	25.04.2022
7	Dr. Fauziah binti Ahmad	Dilantik sebagai Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Kesihatan Pergigian Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred Utama C (M)	27.05.2022

PAKAR PERGIGIAN YANG DINAikkan PANGKAT

BIL	NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN	TARIKH
1	Dr. Balkis binti Ghazali	Pakar Perunding Pergigian Restoratif Gred Khas C (M)	Pusat Pakar Pergigian Seremban (Pergigian Restoratif), Negeri Sembilan	15.07.2021
2	Dr. Chia Jit Chie	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred Utama B (M)	Program Kesihatan Pergigian kekal sebagai Pengaruh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian	11.04.2022
3	Dr. Syed Iqbal bin Syed Husman	Pakar Perunding Kanan Bedah Mulut & Maksilofasial Gred Khas B (M)	Hospital Sungai Buloh, Selangor	11.04.2022
4	Dr. Rohani binti Mahmood	Pakar Perunding Kanan Pergigian Restoratif Gred Khas B (M)	Klinik Pergigian Cahaya Suria, WPKL	11.04.2022
5	Dr. Yatimah binti Othman	Pakar Perunding Ortodontik Gred Khas C (M)	Pusat Pakar Pergigian Seremban (Pergigian Restoratif), Negeri Sembilan	11.04.2022

PELANTIKAN SEBAGAI KETUA PERKHIDMATAN KEPAKARAN

BIL	NAMA	JAWATAN	KETUA PERKHIDMATAN KEPAKARAN	TARIKH
1	Dr. Fatimah binti Abdullah	Pakar Perunding Ortodontik Gred Khas C (M)	Dilantik sebagai Ketua Perkhidmatan Kepakaran Ortodontik	15.01.2022
2	Dr. Ravindran a/l Murugesan	Pakar Perunding Kanan Bedah Mulut & Maksilofasial Gred Khas B (M)	Dilantik sebagai Ketua Perkhidmatan Kepakaran Bedah Mulut & Maksilofasial	13.02.2022

PAKAR PERGIGIAN YANG BERSARA WAJIB / PILIHAN

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH	CATATAN
1	Dr. Arjunan a/l Muthusamy	Pakar Perunding Kanan Ortodontik Gred Khas B	15.01.2022	Bersara wajib
2	Dr. Ong Ai Leng	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Pulau Pinang, Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG55	17.01.2022	Bersara wajib
3	Dr. Amdah binti Mat	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Sembilan, Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	02.02.2022	Bersara pilihan
4	Dr. Jessina Sharis binti Osman @ Othman	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	10.02.2022	Bersara pilihan
5	Dr. Stephen Joseph Royan	Pakar Perunding Kanan Bedah Mulut & Maksilofasial Gred Khas A	13.02.2022	Bersara wajib
6	Dr. Azilina binti Abu Bakar	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	01.03.2022	Bersara pilihan
7	Dr. Dara Khorsyiah binti Yakob	Pakar Pergigian Restoratif Gred UG54	02.03.2022	Bersara pilihan
8	Dr. Nama Bibi Saerah	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Perak, Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	10.04.2022	Bersara wajib
9	Dr. Mazlina binti Mat Desa	Pengaruh Bahagian Amalan & Perkembangan Kesihatan Pergigian, Gred Utama C	27.05.2022	Bersara wajib

PAKAR PERGIGIAN YANG MELETAK JAWATAN

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH
1	Dr. Norita binti Abdul Rahim	Pakar Pergigian Pediatrik Gred UG56	01.01.2022
2	Dr. Mera Cristina a/p Michael	Pakar Pergigian Restoratif Gred UG52	01.01.2022
3	Dr. Soh Huey Shyen	Pakar Ortodontik Gred UG54	14.01.2022

PERTUKARAN MASUK ANGGOTA PKP KKM

BIL	NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN ASAL	PENEMPATAN TERKINI	TARIKH
1	Dr. Muhammad Adam bin Mohamad Jamil	Pegawai Pergigian Gred UG48	Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial Hospital Sungai Buloh, Selangor	Caw Akreditasi & Globalisasi Kesihatan Pergigian	01.01.2022
2	Dr. Siti Nadirah binti Mohd Said	Pegawai Pergigian Gred UG48	Klinik Pergigian Kemaman, Terengganu	Caw Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian	03.01.2022
3	Dr. Suzana binti Sharif	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Pahang	Caw Epidemiologi & Penyelidikan Kesihatan Pergigian sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan	01.01.2022
4	Puan Normala binti Omar	Ketua Juruterapi Pergigian Gred U40	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Perak	Caw Amalan Kesihatan Pergigian Profesional & Aukiliari sebagai Ketua Profesion Juruterapi Pergigian	03.02.2022
5	Encik Khairi bin Kasim	Juruteknologi Pergigian Gred U38	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Perlis	Caw Pembangunan & Perkembangan Fasiliti Kesihatan Pergigian	16.02.2022
6	Puan Arbiah binti Basri	Penyelia Juruterapi Pergigian Kanan Gred U38	Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan	Majlis Pergigian Malaysia	15.03.2022
7	Puan Shabariah binti Che Mohd Yusoff	Penyelia Juruterapi Pergigian U36	JKN Kelantan	Caw Perundangan & Penguatkuasaan Kesihatan Pergigian	28.03.2022
8	Puan Noormalia binti Harun	Penyelia Juruterapi Pergigian U36	JKN Negeri Sembilan	Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer	28.03.2022
9	Dr. Jamaliah binti Omar	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG54	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Kedah (KPPK)	Caw Promosi Kesihatan Pergigian sebagai Timbalan Pengarah	11.04.2022
10	Dr. Nuryastri binti Mustafa	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG54	Pejabat Pergigian Daerah Gombak Selangor (PPD)	Caw Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat sebagai KPPK	11.04.2022
11	Cik Fatimah binti Ma'amor	Penolong Pegawai Tadbir N29	Lantikan Baharu	Unit Pentadbiran PKP KKM	09.05.2022
12	Puan Khairunnisa binti Ismail	Pegawai Teknologi Maklumat F44	Ibu pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia	Majlis Pergigian Malaysia	09.05.2022
13	Encik Ridzwan bin Mansor	Pegawai Teknologi Maklumat F44	MAMPU	Cawangan Pengurusan Maklumat Kesihatan Pergigian	09.05.2022
14	Dr. Aslam Diyana binti Selamat	Pegawai Pergigian Gred UG54	Klinik Pergigian Bandar Tun Hussein Onn, Selangor	Cawangan Pembangunan & Perkembangan Fasiliti Kesihatan Pergigian	01.06.2022
15	Puan Nor Azrah binti Hamzah	Penyelia Juruterapi Pergigian U36	JKWPKL	Majlis Pergigian Malaysia	07.06.2022
16	Puan Khursiah binti Daud	Penyelia Juruterapi Pergigian U36	JKN Selangor	Caw Promosi Kesihatan Pergigian	07.06.2022

PERTUKARAN KELUAR ANGGOTA PKP KKM

BIL	NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN ASAL	PENEMPATAN TERKINI	TARIKH
1	Dr. Maryana binti Musa	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	Caw Teknologi Kesihatan Pergigian sebagai Timbalan Pengarah	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Sembilan	14.02.2022
2	Cik Norjanah binti Mohd Nawi	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44	Caw Pengurusan Maklumat Kesihatan Pergigian	Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kuala Lumpur	22.02.2022
3	Puan Norliza binti Jamaluddin	Penyelia Juruterapi Pergigian U36	Caw Amalan Kesihatan Pergigian Profesional & Aukiliari	JKN Negeri Sembilan	28.03.2022
4	Puan Nora binti Abdullah	Penyelia Juruterapi Pergigian U36	Caw Perundangan & Penguatkuasaan Kesihatan Pergigian	JKN Selangor	28.03.2022
5	Puan Norazizah binti Nordin	Penyelia Juruterapi Pergigian U36	Caw Promosi Kesihatan Pergigian	JKN Melaka	28.03.2022
6	Dr. Salleh bin Zakaria	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	Caw Promosi Kesihatan Pergigian	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Perak	11.04.2022

PENYELARASAN TUGAS ANGGOTA PERGIGIAN DI PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

BIL	NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN ASAL	PENEMPATAN TERKINI	TARIKH
1	Dr. Siti Zuriana binti Mohd Zamzuri	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	Caw Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Sembilan	14.02.2022
2	Puan. Jeyandra Ghandi A/P Chelliah	Penyelia Juruterapi Pergigian U36	Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer	Caw Amalan Kesihatan Pergigian Profesional & Aukiliari	04.04.2022
3	Dr. Fauziah binti Ahmad	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred Utama C	Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian	Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Kesihatan Pergigian	27.05.2022
4	Dr. Sofiah binti Mat Ripen	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	Majlis Pergigian Malaysia sebagai Setiausaha Majlis	Caw Teknologi Kesihatan Pergigian sebagai Timbalan Pengarah	01.06.2022
5	Dr. Nurul Syakirin binti Abdul Sukor	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	Majlis Pergigian Malaysia sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan	Majlis Pergigian Malaysia sebagai Setiausaha Majlis	01.06.2022

ANGGOTA PERGIGIAN YANG BERSARA DI PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH	CATATAN
1	Puan Fatimah binti Rahman	Ketua Juruterapi Pergigian Gred U40	02.02.2022	Bersara wajib
2	Dr. Azilina binti Abu Bakar	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	01.03.2022	Bersara pilihan
3	Puan Hamidah binti Minhat	Penyelia Juruterapi Pergigian Kanan Gred U38	16.03.2022	Bersara wajib
4	Dr. Azzida binti Abd Aziz	Pegawai Pergigian UG54	22.05.2022	Bersara wajib
5	Dr. Mazlina binti Mat Desa	Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Kesihatan Pergigian, Gred Utama C	27.05.2022	Bersara wajib



World Oral
Health Day
20 March




#MouthProud #WOHD22

BE PROUD
OF YOUR MOUTH



JOIN THE
#MOUTHPROUDCHALLENGE !

We want you to be **#MouthProud** for your
happiness and well-being.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

Website: <http://ohd.moh.gov.my>



Program Kesihatan Pergigian KKM



myGG Channel



@KKM_PERGIGIAN



@pergigiankkm

eISSN 2948-4006



9 772 948 400 006